

Editor Pengurusan

Dr. Ajis Lepit

Ketua Editor

Abdul Manap Bin Mahmud

Sidang Editor

ChM. Dr. Julenah Ag Nuddin

Kelvin Alvin Eswar

Nor Faranaz Shamin Nor Azmi

Perhubungan

abdma399@uitm.edu.my


Status “Responden” Dalam Kajian Etnobotani

Oleh - Abdul Manap Mahmud

Memang kajian etnobotani pada satu peringkat bukan sahaja mengumpul maklumat kualitatif tetapi juga harus mengumpul maklumat kuantitatif untuk mendokong sesebuah indeks atau rumus-rumus nilai tertentu seperti RFC, IDV, IEV, UDV, CVUT, CVPP, CVMU, ICF dan RFC. Pelajar-pelajar program Ijazah Sarjana Muda Biologi selalu keliru untuk menentukan jumlah bilangan Responden yang signifikan untuk mewakili sesuatu kawasan kajian. Kerana jika mereka gagal mendapatkan responden yang signifikan mereka akan berhadapan dengan persoalan keabsahan sesuatu kajian. Sekaligus akan mempengaruhi gred dan keputusan dalam pengajian mereka.

Responden dalam kajian etnobotani adalah seorang informan (pemberi maklumat). Iaitu merujuk kepada individu yang mempunyai pengalaman menggunakan sesuatu tumbuhan berkenaan, atau mewarisi pengetahuan tentang penggunaan tumbuhan atau mempunyai maklumat tentang penggunaan sesuatu tumbuhan. Inilah pandangan umum yang digunakan oleh IUCN tentang informan (Martin, 1995)

Oleh itu, penentuan bilangan responden dalam kajian etnobotani sedikit berbeza dengan bilangan responden dari ukuran statistik. Bilangan respon sesuatu kawasan kajian ditentukan oleh jumlah semua informan dalam sesuatu kawasan dan bukan oleh jumlah signifikan sampel yang dikumpulkan bagi kawasan sesuatu kawasan kajian. Pada ketika ini bilangan informan etnobotani semakin berkurangan dan dianggap sangat kritikal. Oleh itu, usaha yang segera perlu dilakukan untuk mengumpul maklumat daripada mereka.



© 2021 ABDUL MANAP MAHMUD

Foto 1: Daun Sirih (Piper betle) elemen penting etnobotani Alam Melayu.

Internet of Things (IoT) Dalam Pengajaran & Pembelajaran

Oleh – Ts. Siti Aminah Mohammad

Penularan Covid-19 yang melanda dunia telah mengubah kebiasaan hidup kita kepada norma baharu. Bermula awal Mac 2020 kita telah menjalani pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian sepenuhnya. Sudah pasti, norma baharu ini datang sekali dengan cabaran-cabaran yang baharu dalam ekosistem pendidikan. Kalau sebelum ini, pelajar boleh merasai pengalaman dalam sesuatu ujikaji dengan melakukan eksperimen dengan menggunakan instrument di makmal namun norma baharu pendekatan *Internet of Things* (IoT) digunakan. Pelbagai aplikasi mudah alih telah digunakan dalam membuat simulasi dan amali maya dalam pengajaran dalam pembelajaran.

Oleh itu, norma baharu ini mengubah cara pensyarah mengajar dan cara pelajar belajar, tren popular untuk PdP adalah pembelajaran terbuka dan jarak jauh (*Open Distance Learning*) melalui platform digital. Dalam interaksi antara pensyarah dan pelajar didalam kelas maya, pastinya berlaku pertembungan generasi iaitu Gen Y, millennial malah ada pensyarah daripada kalangan baby boomers, yang mungkin mempunyai pandangan yang berbeza terhadap IoT. Bagi golongan millennial, pastinya IoT ini tidak asing bagi mereka, aplikasi seperti TikTok, Instagram, Facebook, Twitter, Whatsapp dan Telegram adalah merupakan media sosial yang popular digunakan.

Namun, pandemik ini dilihat dapat mempercepatkan revolusi kaedah PdP. IoT telah

menjadi *game changer* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Apakah IoT? IoT ini dicetuskan sekitar tahun 1999 oleh Kevin Ashton yang merupakan antara pelopor teknologi berbangsa Inggeris.

IoT pastinya tidak asing lagi bagi kita dalam menjalani kehidupan seharian, contohnya pembelian keperluan atau barang melalui atas talian dan *smartphone* yang bukan sekadar menerima dan membalas panggilan dan pesanan malah mempunyai multifungsi seperti berfungsi sebagai kamera, perakam suara, jam, pengukur suhu persekitaran dan banyak lagi. Oleh itu, tidak dapat dinafikan IoT ini dapat memudahkan kehidupan dalam memenuhi keperluan dan kehendak kita. Kemahiran penggunaan teknologi IoT dapat mencungkil kreativiti dalam PdP di samping boleh memupuk kemahiran berfikir untuk pelajar. Penggunaan IoT seperti aplikasi Whatsapp, Telegram, Google Classroom, Youtube adalah platform yang popular dalam penyampaian bahan PdP disamping menggunakan *live streaming* seperti Google meet untuk perbincangan yang lebih interaktif.

Interaksi dan komunikasi berkesan antara pensyarah dan pelajar adalah sangat penting kerana akhirnya IoT itu hanyalah *tools* yang digunakan dalam penyampaian PdP dan kita, pensyarah dan pelajarlah pengatur dan pengawas untuk IoT yang digunakan supaya ia berfungsi secara langsung. #

Prestasi Akademik Pelajar Diploma Sains dan Ijazah Sarjana Muda Biologi UiTM Cawangan Sabah Februari 2021

Oleh – Dr. Ajis Lepit

Secara keseluruhannya prestasi pelajar-pelajar Fakulti Sains Gunaan (FSG) UiTM Cawangan Sabah telah menunjukkan prestasi yang terbaik dan membanggakan. Program Diploma Sains (AS120) dan Ijazah Sarjana Muda Biologi (AS201) masing-masing memperoleh 5 dan 3 KPI akademik universiti. Prestasi laporan peperiksaan ini adalah perbandingan 2 sesi penilaian akhir berterusan secara ODL iaitu sesi Februari 2021 dan Julai 2020 manakala sesi Disember 2019 adalah secara bersemuka (F2F). Ini menunjukkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian berupaya meningkatkan prestasi akademik para pelajar. Pada masa yang sama, masalah capaian internet yang stabil, keluarga B40, suasana di rumah yang kurang kondusif untuk menjalankan PdP, kurang motivasi, kekurangan bahan rujukan dan kekurangan rakan sebaya sebagai rakan pembimbing adalah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi keseluruhan pelajar fakulti.

Prestasi penilaian keseluruhan telah dinilai berdasarkan beberapa Petunjuk Prestasi Utama (*key performance index*, KPI) akademik universiti perlu dicapai. Antara KPI berkenaan iaitu bilangan kegagalan kursus mesti kurang daripada 25%, purata himpunan nilai gred (HPNG) 3.00 (Diploma) bergraduasi mesti melebihi 60% atau 3.5 (Ijazah Sarjana Muda) pelajar bergraduasi melebihi 5%, bilangan pelajar gagal mesti kurang 3%, bilangan pelajar mendapat AD perlu melebihi 10%, bilangan mendapat ANC mesti melebihi 1% dan bilangan pelajar bergraduasi mencapai 90% dan keatas. Jadual berikut adalah prestasi KPI yang telah dicapai oleh pelajar dalam penilaian akhir bagi program AS120 dan AS201.

Jadual 1. Perbandingan prestasi pelajar AS120.

AS120	DIPLOMA SAINS					
	Feb-21		Jul-20		Dis 2019	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Jumlah Pelajar	301		211		264	
Lulus	215	71.4	205	97.2	190	72.00
Tamat	83	27.6	4	1.9	71	26.9
Gagal	3	1.0	2	0.95	3	1.1
AD	190	63.1	110	52.1	78	29.6
ANC	18	21.7			4	5.6

Jadual 2. Perbandingan prestasi pelajar AS201.

AS201	SARJANA MUDA (KEP.) BIOLOGI					
	Feb-21		Jul-20		Dis 2019	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Jumlah Pelajar	89		65		92	
Lulus	89	100	56	86.2	73	79.4
Tamat			9	13.9	18	19.6
Gagal					1	1.1
AD	32	36	47	72.3	10	10.9
ANC			2	22.2	1	5.6

Program AS120 telah menunjukkan prestasi terbaik iaitu telah mencapai lima KPI akademik universiti. Hanya satu kursus mencapai kegagalan melebihi 25% telah memberi kesan prestasi KPI AS120 secara keseluruhannya. Manakala program AS201 mencapai hanya tiga KPI akademik universiti. Tiada

ambilan pelajar yang tamat pengajian pada penilaian akhir sesi Feb 2021. Kumpulan pelajar ini sedang meneruskan latihan industri (LI) selama satu semester pada sesi Mac 2021 di beberapa tempat di Sabah dan Sarawak.

Untuk program Diploma Sains (AS120) seramai 190 pelajar (63.1%) telah memperolehi anugerah dekan (AD) dan 18 pelajar (21.7%) telah menerima anugerah naib canselor (ANC) bagi sesi Februari 2021. Prestasi keseluruhan pelajar-pelajar program AS120 telah memperolehi bilangan mendapat AD dan ANC dalam penilaian kali ini telah meningkat berbanding keputusan yang peperiksaan yang lalu.

Untuk program Ijazah Sarjana Muda Biologi (Minor Pengurusan) AS201, bilangan pelajar yang telah

mendaftar dan lulus adalah 100% dalam penilaian akhir Feb 2021. Pelajar mendapat AD iaitu seramai 32 pelajar iaitu lebih rendah berbanding penilaian akhir Julai 2020 dan lebih tinggi berbanding sesi peperiksaan akhir Disember 2019. Tiada pelajar bergraduasi pada sesi Feb 2021.

Pihak FSG ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar yang mendapat sijil AD dan sijil ANC. Moga kecemerlangan pelajar ini dapat ditingkat sepanjang tempoh mengikuti PnP dalam talian sesi berikutnya dan meningkatkan pencapaian KPI UiTM akan datang. #

FSG Postgraduate Academic Writing Workshop Series 1/2021

By – Dr. Lo Chor Wai

An internal Academic Writing Workshop Series 1/2021 was held on 9 April 2021 (Friday) at Kompleks Makmal Sains dan AgroTeknologi (KOMSAT) Meeting Room, UiTM Sabah Branch. This program was organized by Faculty of Applied Science (FSG) for postgraduate students in FSG Kota Kinabalu Campus.



Photo 1. Attendees of the workshop from right Dr Lo, Syafiqah, Elden, Madam Sarayati, Madam Farnidah, Fitri, Dr Julenah and Naida.

The full-day workshop was enriched with a series of talks related to academic writing skills by Madam Siti Sarayati Abd Mawah, Chm. Dr Julenah Ag Nuddin, Dr Lo Chor Wai, and Madam Farnidah binti Jasnie. A total of four postgraduate students attended the program: Ms Nurfitri binti Harman, Ms Nadia Majitol, Ms Nur Shafiqah Salim, and Mr Elden Zoumin. The workshop focused on the skills and techniques required to write successfully about scientific research. On top of that, it also encouraged students to develop good habits in reading and writing journal articles. The workshop ended with a sharing session as a whole group where our postgraduate students shared their writing, and all of us provided feedback.

This session was the first meeting and a blessed gathering between our FSG postgraduate students and supervisors since the COVID-19 pandemic started last year. We look forward to engaging our students with more sharing sessions and hands-on workshops in the future.

Students Feedback

This program is very suitable for both new and senior postgrad student. From this programme, new students can understand what scientific writing is about, knowing where to publish their paper, and many more, while the senior student can revise. I hope this program can be held every semester. By Elden Zoumin (supervised by Madam Siti Sarayati Hj. Abdul Mawah)

A tremendous academic writing workshop. I am left with concrete strategies and handy information to apply immediately. I found this workshop is beneficial. It is one of the most enjoyable and informative workshops I have ever attended (complete with delicious food too 😊). Thank you for organizing, and special thanks to the great speakers! I've learned how to write a better thesis and how to state a problem statement clearly. Also, I learned something new about Q1, Q2, Q3 and Q4 journal, which I had never known before. I request hands-on training on using Mendeley. By Nurfitri Binti Harman (supervised by Dr Lo Chor Wai)

It was a very fruitful workshop added with some inspiring stories from the supervisors' own experience. The workshop points out the part of writing that should avoid and what should emphasize. I come to know the importance of sampling permission and identification, selecting journals for publication and their level of impact, avoid plagiarism, the importance of paraphrasing, referencing, and so much more. Moreover, it gave me the chance to ask some questions and gained the guidance I needed. By Nadia Majitol (supervised by Dr Lo Chor Wai)

Thank you to all lecturers! I think now I can write better than before. Maybe we can have more workshops in the future so that I can improve myself to be able to publish my paper in Q1 journal. By Nur Shafiqah Salim (supervised by Chm Dr Julenah Ag Nuddin)